

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 14/4/2016

Muka surat: 7

Tajuk : UNIMAS, MyInnoHub jalin kerjasama penyelidikan

UNIMAS, MyInnoHub jalin kerjasama penyelidikan

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjalin kerjasama dengan My Innovation Hub (MyInnoHub) Kementerian Pendidikan bagi menjalankan penyelidikan mengenai sagu dan pembinaan jalan raya di kawasan tanah gambut di negeri ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, berkata memorandum persefahaman (MOU) sudah dimeterai bagi membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam menghasilkan pelbagai produk berasaskan sagu.

Sagu tempatan berpotensi

Sagu adalah antara produk tempatan yang mempunyai potensi untuk dimajukan bagi industri hulu dan hiliran kerana ia mampu menghasilkan pelbagai produk nilai tambah untuk dipasarkan bukan sahaja bagi keperluan pasaran domestik, malah hingga ke peringkat global.

Ini adalah selaras dengan ciri-ciri sagu yang diproses dari pokok rumbia yang banyak tumbuh di Sarawak, sekali gus menjadikan ia sebagai sumber makanan penting bagi masyarakat setempat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili UNIMAS menandatangani MoU dengan MyInnoHub yang diwakili ketua pegawai eksekutifnya, Vincent Wong Wai Sang, di Kampus UNIMAS, di sini kelmarin.

Fadzil berkata, kerjasama itu membuka ruang kepada penyelidik untuk mengenal pasti lebih banyak potensi sagu bagi menghasilkan produk nilai tambah berasaskan sumber makanan berkenaan.

"Melihat kepada potensi itu, ramai kalangan penyelidik memilih untuk memberi tumpuan kepada sumber makanan terbabit. Malah di UNIMAS sahaja, kita mempunyai lebih 30 penyelidik yang menjalankan penyelidikan mengenai sagu.

Pada masa yang sama, kita turut menubuhkan Pusat Penyelidikan Sagu (CoSAR) sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan itu bagi membolehkan hasil kajian dijalankan mengikut spesifikasi ditetapkan," katanya.

Penyelidikan pembinaan jalan raya

Beliau berkata, MyInnohub turut membantu UNIMAS memajukan penyelidikan mengenai pembinaan jalan raya di kawasan tanah gambut dengan menggunakan inovasi baharu, iaitu sistem jalan raya Foam-ERP.

"Pembinaan jalan raya bagi tanah gambut adalah sukar kerana strukturnya tanahnya yang lembut dan dalam projek sebahagian besar pembinaan Lebuhraya Pan Borneo membabitkan kawasan tanah gambut, khususnya di wilayah selatan negeri ini.

"Justeru, usaha UNIMAS menjalankan penyelidikan itu mampu membantu kerajaan negeri dalam menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan tanah gambut kerana 13 peratus daripada kawasan di Sarawak adalah tanah gambut, iaitu kira-kira 19 peratus daripada jumlah keluasan kawasan tanah jenis itu di Malaysia," katanya.